



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	5/12/2019	MUKA SURAT	: 14
JABATAN	:	KATS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Dewan Rakyat

Denda RM5j, penjara 20 tahun curi hasil hutan

Syor Akta
Perhutanan
Negara 1984
dipinda

Oleh Mohd Azrone Sarabatin,
Ahmad Suhael Adnan dan
Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Denda maksimum dinaikkan hingga RM5 juta dan penjara hingga 20 tahun, adalah antara cadangan dalam pindaan Akta Perhutanan Negara 1984 bagi kegiatan pengambil hasil hutan secara haram. Pindaan itu dicadangkan pada Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) Ke-76 di Bangunan Parlimen, semalam, untuk menyekat kegiatan mencuri khazanah negara di kawasan Hutran Simpan Kekal.

Menteri Air Tanah dan Sum-ber Asli, Datuk Dr Xavier Jayakumar, berkata ketika ini, akta itu menetapkan hukuman denda maksimum hingga RM500,000 dan penjara antara satu hingga tidak lebih 20 tahun.



Dr Wan Azizah dan Xavier pada MTN Ke-76 di Bangunan Parlimen, semalam.

(Foto Nurul Shafina Jemenonj/BH)

Pindaan itu penting bagi memastikan kerangka perundangan perhutanan negara bergerak seiring dengan perkembangan semasa, yang mencakupi aspek pencegahan pengambil hasil hutan secara haram, menambahkan baik dan memantapkan pengurusan kawasan Hutran Simpan Kekal.

MTN mengambil kira komitmen kerajaan, untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada tanah negara di liputi hutan.

"Pindaan akta ini dijangka dibentangkan di Parlimen sele-

wat-lewatnya akhir tahun depan," katanya selepas mesyuarat berkenaan di sini, semalam.

Mesyuarat MTN dipengerusi-kan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan dihadiri oleh menteri besar dan ketua menteri.

Dalam pada itu, Xavier berkata, turut dipersetujui ialah meneghakan kelulusan penanaman sawit kepada 6.5 juta hektar di seluruh negara.

Penanaman sawit juga dilara- rang dibuat di kawasan baharu tanah gambut dan peraturan le- bih ketat tanaman sawit di ka-

wasan gambut sedia ada.

"Pengurusan Hutran Simpan Kekal (HSK) lebih mapan juga dilihat membantu melestarikan industri sawit negara," katanya.

Yang turut diputuskan pada mesyuarat itu adalah penganan moratorium selama 10 tahun, ba- gi tujuan penjuatan rumah di bawah projek perumahan ber- subsidi kerajaan, bermula tarikh perjanjian jual beli ditanda- ngani bukan selepas pindah mi- lik.

"Pembeli tertakluk komitmen kewangan selepas perjanjian jual beli dibuat," katanya.